

11 OCT 2003

OIC-Buku

BUKU KHAS KEJAYAAN DR MAHATHIR KHUSUS UNTUK DUNIA ARAB AKAN DILANCARKAN

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Sebuah buku khas mengenai kejayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari segi politik dan ekonomi, khusus untuk pasaran dunia Arab akan dilancarkan pada hari Rabu ini, sempena Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Ditulis oleh penulis Palestin yang berpangkalan di Emiriah Arab Bersatu (UAE), Dr Abdulrahim Abdulwahid, buku yang bertajuk "Mahathir Mohamad from an Arabic and Islamic Perspective" pada peringkat permulaannya akan disasarkan kepada pasaran negara-negara Teluk, kata bekas duta Malaysia ke UAE, Datuk Syed Hussein Al Habshee dalam satu sidang berita pra-perasmian buku itu di sini hari ini.

"Ada 22 negara-negara Arab dengan kira-kira 200 juta penduduk pada masa ini dan mereka ingin tahu bagaimana Dr Mahathir dan Malaysia menyelesaikan krisis kewangan Asia serta hubungan dua hala dengan negara-negara Arab," katanya.

"Abdulrahim menganggap Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin ummah, dan jika pada tahun-tahun 60an ada pemimpin-pemimpin seperti Gamel Abdel Nasser (Presiden Pertama Mesir), kini kita ada Dr Mahathir," katanya.

Penulis itu yang merupakan wartawan veteran yang memiliki kedoktoran dalam bidang kewartawanan, mengambil masa enam bulan untuk menamatkan buku setebal 254 mukasurat versi bahasa Arab, dan buku itu akan diterbitkan oleh penerbit terkemuka di Kaherah, Al Ahram.

Setiausaha Agung OIC, Abdelouahed Belkeziz akan melancarkan buku itu pada pukul 3 petang pada 15 Okt di Pusat Konvensyen Putrajaya, tempat berlangsungnya Sidang Kemuncak OIC.

Sidang Kemuncak itu bermula hari ini dengan mesyuarat pegawai-pegawainan untuk menyediakan agenda kepada mesyuarat peringkat menteri pada 13 dan 14 Okt. Pemimpin OIC akan bertemu pada 16 dan 17 Okt.

Sebagai permulaannya, 1,000 buku yang berkulit tebal, dijangka berharga antara RM40 dan RM50, serta 5,000 buku yang berkulit biasa berharga antara RM25 dan RM30 akan dicetak.

Versi bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dijangka akan mula dicetak tahun depan.

Sementara itu, Pengarah Urusan Gerbang Perdana Sdn Bhd, Datuk Yahya Abdul Jalil berkata syarikatnya membiayai penerbitan buku itu sebagai penghargaan kepada Dr Mahathir yang akan bersara sebagai Perdana Menteri akhir bulan ini.

-- BERNAMA

VP AZZ AZH